

## Angkasa anjur persidangan koperasi global

**KUALA LUMPUR 25 Okt.** - Buat juluang kalinya Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan menganjurkan Persidangan Global Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) yang menghim-punkan 1600 delegasi daripada 93 buah negara bermula 14 hingga 17 November ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, persidangan yang bertujuan mempromosikan gerakan koperasi global itu akan menghim-punkan koperator-koperator daripada seluruh dunia yang menjadi ahli kepada ICA-Global.

"Ini merupakan kali pertama Malaysia menjadi tuan rumah perhimpunan koperasi terbesar ini dan ia bakal membincangkan isu me-negenai kerjasama iaitu meletakkan rakyat dalam pembangunan.

"Ia juga merupakan usaha berkesan dalam mempromosikan dan meningkatkan kesedaran kepada umum mengenai kepentingan koperasi dalam memacu ekonomi ne-gara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi tak-limat bersama media mengenai persidangan Global Persekutuan Koperasi Anta-rabangsa Kuala Lumpur (ICAKL) yang turut dihadiri Pengarah Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Ko-munikasi Korporat Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Azam Sulaiman di sini hari ini.

Sementara itu, Pegawai Ekse-kutif kumpulan Angkasa, Nasir



ABDUL FATTAH  
ABDULLAH

Khan Yahaya berkata, sempena penganjuran ICAKL 2017 di Malaya-sia, Angkasa juga akan mengadakan Karnival Produk dan Perkhid-matan Koperasi Ma-laysia (MACCOPS) 2017 bagi memberi peluang kepada pemain kope-ra-si tempatan untuk menge-tengah kan produk dan perkhidma-tan mereka ke pasaran global bermula 15 hingga 19 November depan.

Menurutnya, selain menjadi saluran baru kepada koperator tem-patan, karnival ini juga di sasarkan untuk menjadi medan pertemuan antara penjual dengan pembeli dan juga padanan perniagaan antara ahli-ahli koperasi yang hadir.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia